

# Tiada rombakan Kabinet: PM

BH- 7/2/2019

m/s: 2

➔ Dr Mahathir nafi dakwaan, barisan menteri kekal

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

**T**un Dr Mahathir Mohamad menegaskan tiada rombakan Kabinet akan dilakukannya dalam masa terdekat.

Perdana Menteri berkata, dakwaan kononnya akan berlaku rombakan Kabinet termasuk melantik Timbalan Perdana Menteri baharu adalah be-

rita palsu.

“Tidak, tidak ada, tiada rombakan Kabinet. Semua perkara (dakwaan) mengenai rombakan adalah palsu,” katanya kepada media selepas menghadiri Rumah Terbuka Tahun Baharu Cina 2019 di Wisma Chinese Chamber, Jalan Ampang di sini, semalam.

## Enggan ulas lanjut

Sambil menegaskan barisan Kabinet ketika ini akan dikekalkan, Dr Mahathir juga enggan mengulas lanjut ketika ditanya media sama ada dakwaan melantik Timbalan Perdana Menteri baharu ada dalam perancangannya.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail ketika ditanya isu sama kelmarin, memaklumkan tidak tahu-menahu mengenai dakwaan itu yang dibuat sebuah



Tidak, tidak ada, tiada rombakan Kabinet. Semua perkara (dakwaan) mengenai rombakan adalah palsu”

*Dr Mahathir Mohamad,  
Perdana Menteri*

blog, malah mengesahkan tidak mendengar sebarang usaha untuk melakukan rombakan Kabinet.

Sementara itu, Dr Mahathir yang berkemeja merah dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali meluangkan masa lebih dua jam pada majlis rumah terbuka anjuran Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dengan kerjasama Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan Malaysia (NCCIM) itu.

Yang turut hadir, Dr Wan Azizah dan beberapa menteri, selain Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; pemimpin veteran DAP, Lim Kit Siang serta Pengerusi NCCIM, Tan Sri Ter Leong Yap.

Perdana Menteri turut dibawa melawat ruang pameran NCCIM berdekatan pintu masuk dewan utama sebelum menuju ke meja makan.